

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan permohonan dari Sarawak yang telah diterima, diproses dan diluluskan sejak penambahbaikan SOP Permohonan Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan mulai tahun 2020 dan apakah rancangan Kementerian untuk membantu golongan pemohon yang gagal sebelum ini tetapi sudah melebihi umur 21 tahun yang lahir di Malaysia dan tidak mengetahui ibu bapa kandung mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari bulan Januari hingga 15 Oktober 2020, sebanyak 70 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan yang didaftarkan di negeri Sarawak telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 67 permohonan sedang diproses dan tiga (3) permohonan dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat.

Bahagian III Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan tiga (3) kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia iaitu secara kuat kuasa undang-undang, pendaftaran atau penaturalisasian. Bagi individu yang berumur melebihi 21 tahun, permohonan kewarganegaraannya boleh dikemukakan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan dan individu berkenaan mestilah berstatus Pemastautin Tetap serta bermastautin secara tetap di Malaysia sekurang-kurangnya 12 tahun.